**PERUNDING JURUWAS SDN BHD** (394795-T)
- *Civil and Structural Consulting Engineers*
- *Mechanical and Electrical Consulting Engineers*

Ruj Kami : PJW/2010-130
Tarikh : 25hb. Mac 2010

Pengarah Pembangunan
Pejabat Pembangunan
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN

T: 03-5544 3333
F: 03-5544 2220

**Encik Che Izam Bin Abu Noh**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF KABEL 11KV SEDIAADA DAN JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT KONVENSYEN DAN KEBUDAYAAN UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MALAYSIA SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.**

**~ Minit Mesyuarat Pra-Penyerahan Tapak**

Berhubung dengan perkara di atas sukacita kami sertakan disini sesalinan minit mesyuarat untuk semakan dan pengeshan tuan.

Perhatian tuan dan tindakan lanjut tuan kepada perkara di atas adalah dihargai.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,
**PERUNDING JURUWAS SDN. BHD.**

...................................................
**Ir. Ahmad Zainal Abdul Rani**
Pengarah

Lampiran- Minit Mesyuarat

s.k

Timbalan Pengarah Pembangunan
Bahagian Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

**Tuan Haji Junaidi Muslim**

Bahagian Pengurusan Kontrak dan Kawalan Kos

**Cik Raja Norfadhilah Raja Hassan**



22-A, 1st Floor, Jalan SS 6/8, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7804 7369 Fax: 03-7880 5911 E-mail: juruwas@yahoo.com

PTIS Engineering Sdn. Bhd.
No. 3A, Jalan Kelumpang Satu 27/41A,
Taman Bunga Negara, Seksyen 27,
40400 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN

T: 03-5192 2011
F: 03-5192 2105

U/P: En. Abdul Razif bin Abdul Rahman
En. Abdul Kadir bin Bidin

CADANGAN KERJA-KERJA MMENAIKTARAF KABEL 11KV SEDIAADA DAN JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT KONVESNYEN DAN KEBUDAYAAN UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TAJUK MESYUARAT PRA-PENYERAHAN TAPAK
TARIKH 12hb. MAC 2010
JAM 09:30 HRS
TEMPAT BILIK MESYUARAT PEJABAT

SENARAI KEHADIRAN:-

| BIL | NAMA | ORGANISASI | TEL/EMAIL |
|---|---|---|---|
| 1 | Tuan Haji Junaidi Muslim | Pej. Pembangunan | 019-3329437<br>junaidi_m@slam.uitm.edu.my |
| 2 | Noriaila Omar | Pej. Pembangunan | 012-2288005;<br>noriaila350@salam.uitm.edu.my |
| 3 | Norhayu Md. Taib | Kawalan Kos & Kontrak, UITM | 03-5521 1267 |
| 4 | Suhaimi Ahmed | Pej. Pembangunan | 03-55442238 |
| 5 | Mohd Nor Daud | KETS, UITM | 03-58442354 |
| 6 | Amran Ayub | Pej. Pembangunan | 03-55442108 |
| 7 | Khairusukor Hussain | PJWSB | 03-78047369 |
| 8 | Ir. Ahmad Zainal Abdul Rani | PJWSB | 019-2606255; azar0804@gmail.com |
| 9 | Abdul Razif Abdul Rahman | PTIS Eng. S/B | 019-2236697; razif@ptiseng.com |
| 10 | Abdul Kadir Bidin | PTIS Eng. S/B | 019-3511145;kadir@ptiseng.com |
| | | | |

DISEDIAKAN OLEH
Ir. Ahmed Zainal Abdul Rani

DISAHKAN OLEH
Tuan Haji Junaidi

CADANGAN KERJA-KERJA MMENAIKTARAF KABEL 11KV SEDIAADA DAN JUGA SAMBUNGAN BEKALAN KE PUSAT KONVESNYEN DAN KEBUDAYAAN UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

TAJUK MINIT MESYUARAT PENYERAHAN TAPAK
TARIKH 12hb MAC 2010
JAM 09:30 ~ 11:30 HRS
TEMPAT BILIK MESYUARAT PEJABAT PEMBANGUNAN ANNEX

| BIL | PERKARA | TINDAKAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Tn Hj Junaidi selaku pengerusi mesyuarat mengalu-alukan kehadiran semua pihak. Beliau memaklumkan PTIS Engineering Sdn. Bhd. mempunyai rekod kerja yang serupa di UiTM. Mesyuarat ini di adakan bagi mengenalpasti perkara berkaitan dengan kontrak dan skop kerja di perjelaskan. Beliau memohon kerjasama semua pihak supaya perlaksanaan kontrak ini berjalan dengan lancar. | Makluman | |
| 2 | Tuan Pengerusi memperkenalkan ahli dari pihak UiTM dan perunding yang terlibat di dalam perlaksanaan kontrak ini, dan meminta pihak kontraktor memperkenalkan diri. | Makluman | |
| 3 | PTIS menyerahkan surat setuju terima tawaran kontrak kepada UiTM. | Kawalan Kos | |
| 4 | En. Suhaimi memaklumkan En. Che Izam sebagai Pengarah Pembangunan adalah Pegawai Penguasa bagi kontrak ini. | Makluman | |
| 5 | Pengerusi memohon perunding untuk menerangkan serba ringkas bidang kerja bagi kontrak ini. | PJWSB | |
| 6 | En. Zainal menerangkan bidang kerja kontrak ini seperti berikut:- | | |
| 6.1 | Membekalkan kabel 11kV mengikut spesifikasi kontrak iaitu 11kV 20kA 3 sec serta peralatan berkaitan termasuk "jointing kits". | | |
| 6.2 | Menjalan kerja "Digital Mapping" bagi mengenalpasti perkhidmatan sediaada di bawah tanah mengikut laluan kabel yang dicadangkan. En. Sukor memaklumkan supaya kerja ini dijalankan dengan betul kerana penggunaan Cable Detector sahaja mungkin tidak mencukupi untuk mengenalpasti segala bentuk perkhidmatan bawah tanah. | | |
| 6.3 | Mengorek dan menanam kabel mengikut spesifikasi kontrak. Perunding tidak boleh bertolenrasi ke atas kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi. En. Shukor menambah turutan kerja menambak semula perlu dipatuhi sepenuhnya. Segala bentuk kenyataan (signages) perlu disediakan secukupnya bagi menjamin keselamatan lalulintas. Perunding perlu menyaksikan dahulu kerja yang telah dilaksanakan sebelum penambakan dibuat. | | |

| BIL | PERKARA | TINDAKAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 6.4 | Penamatan (Termination) kabel ke perkakas suis. Bagi kerja-kerja, segala bentuk Kebenaran Kerja (PTW) perlu diperolehi dari KETS, sebelum kerja dilaksanakan. Notis yang cukup kemukakan kepada pihak KETS. | | |
| 6.5 | Menguji dan mentauliah kabel-kabel yang telah di tanam. Laporan Ujian perlu di serahkan kepada perunding untuk pengesahan. | | |
| 6.6 | En. Zainal meminta PTIS mengambil gambar persekitaran kawasan kerja sebelum dan selepas kerja dilaksanakan bagi merekodkan keadaan persekitaran. Ini dapat mengelakkan sebarang keraguan jika terdapat kerosakan kepada persikataran kawasan kerja. | PTIS | |
| 7 | Pengerusi menerangkan keperluan kontrak yang perlu di penuhi oleh PTIS seperti berikut:- | | |
| 7.1 | Performance Bond- Kontraktor memilih untuk tahanan bayaran dibuat memandangkan tempoh kontrak yang singkat. | | |
| 7.2 | Kontraktor perlu menyerahkan insurance cover note dan bukti bayaran | PTIS | |
| 7.3 | Kontraktor bertanya bertanya tentang penggunaan Insurance Guarrantee, dan En. Sukor memaklumkan pihak treasury menerima dokumen tersebut, tetapi untuk kontrak ini tertakluk kepada UiTM | Kawalan Kos & Kontrak | |
| 7.4 | Kontraktor perlu mengemukakan Carta Organisasi Projek. PTIS memaklumkan akan dikemukakan minggu hadapan | PTIS | 19/3/'10 |
| 8 | Pengerusi menerangkan keperluan kerja-kerja awalan seperti berikut:- | | |
| 8.1 | Lokasi pejabat tapak adalah berhampiran dengan Pintu 4. En. Amran akan menunjukkan tempat tersebut kepada kontraktor. | UiTM | |
| 8.2 | Keperluan Hoarding & signages perlu di buat dimana ia melibatkan keselamatan laluan awam. Kaedah kerja dan langkah keselamatan perlu di beri perhatian dan dipatuhi sepenuhnya. | PTIS | |
| 8.3 | Kontraktor diminta mengemukakan draf papan tanda yang dicadangkan untuk semakan UiTM dan perunding. | PTIS | |
| 8.4 | Kontraktor diminta menyerahkan method statement untuk pengurusan trafik. Kontraktor di benarkan untuk bekerja di waktu malam tetapi perlu memohon terlebih dahulu. | PTIS | |
| 8.5 | En. Sukor memaklumkan kontraktor tiadk dibenarkan membuat sebarang kenyataan akbar berkenaan kontrak ini, tanpa kelulusan UiTM. | PTIS | |
| 8.6 | Dairi tapak mengikut format JKR atau yang seumpamanya perlu di adakan. Rekod cuaca perlu di adakan. | | |

| BIL | PERKARA | TINDAKAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 8.7 | Penyediaan Peralatan Keselamatan -PPE, Digital Kamera. Pengerusi menyerahkan spesifikasi Digital Kamera untuk tindakan lanjut kontraktor. | PTIS | |
| 8.8 | Kontraktor diminta mengemukakan cadangan spesifikasi Cable Locator seperti di dalam kontrak dalam masa seminggu untuk semakan UiTM dan Perunding. | PTIS | 19/3/'10 |
| 8.9 | Kontraktor perlu membuat bayaran ke CIDB sebanyak 0.25% dari nilai kontrak dan bukti bayaran perlu diserahkan kepada UiTM. | PTIS | |
| 8.10 | Sampel bahan yang digunakan perlu diserahkan untuk pengesahan sebelum pembekalan di buat. | | |
| 8.11 | Jadual Perlaksanaan kerja -Work Program dalam bentuk CPM menggunakan Microsoft Project atau Primavera, perlu dikemukakan 2 minggu dari tarikh mesyuarat. | PTIS | 26/3/'10 |
| 8.12 | Penyerahan PQP dalam masa 1 minggu dari tarikh mesyuarat | PTIS | 19/3/'10 |
| 8.13 | Method Statement untuk kerja-kerja berkaitan seperti back filling, perlu diserahkan . | | |
| 8.14 | Kontraktor diminta mengemukakan Laporan Kemajuan projek dalam masa 2 minggu. | | 26/3/'10 |
| 8.15 | Mesyuarat akan di adakan setiap hari ke 15 setiap bulan, jika sekiranya perlu lebih kerap, akan dimaklumkan dari masa kesamasa. | makluman | |
| 8.16 | Cik Norhayu memaklumkan tuntutan bayaran boleh dibuat sebulan sekali dengan minima RM1,000.00 berdasarkan penilaian kerja di tapak. Perunding akan mengeluarkan Sijil Cadangan Bayaran. | makluman | |
| 8.17 | Kontraktor perlu memastikan Jointer berlesen digunakan untuk projek ini. Salinan lesen perlu dikemukakan. | PTIS | |
| | LAIN-LAIN HAL | | |
| 1 | Kontraktor bertanya samada Assigned Payment boleh dibuat kepada pembekal. UiTM menyatakan perkara ini tidak digalakkan. | makluman | |
| 2 | En. Suhaimi menekankan sekali lagi keperluan untuk mengambil gambar sebelum dan selepas kerja dilakukan di tapak kerja. | PTIS | |
| 3 | Pengerusi memaklumkan email untuk projek ini adalah seperti berikut:- uitm11kvteam@gmail.com dan password: 11kvteam12 | makluman | |

Mesyuarat di tangguhkan jam 11:30 pagi, dan mesyuarat akan datang dijadualkan pada 26hb. Mac 2010 jam 14:45 hrs di tempat yang sama.

Di Catit Oleh
Ir. Ahmad Zainal Abdul Rani

DiSahkan Oleh
Tn. Hj Junaidi